

09 APR 1999

Wanita-Penggiliran

WANITA UMNO SABAH SETUJU PENGGILIRAN DIMANSUHKAN

KOTA KINABALU, 9 April (Bernama) -- Semua ketua Wanita Umno Bahagian negeri ini hari ini mencapai kata sepakat untuk meminta pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) mengkaji semula pelaksanaan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Ketua Wanita Umno Sabah Datuk Norjan Khan Bahadar berkata persetujuan itu dicapai pada mesyuarat pergerakan itu hari ini dan satu surat rasmi kepada pucuk pimpinan akan dikemukakan mengenainya.

"Kita juga bersetuju untuk membincangkan isu itu pada mesyuarat cawangan dan bahagian kelak," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat ketua-ketua Wanita Umno bahagian Sabah di sini.

Norjan Khan yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan berkata keputusan untuk meminta pemansuhan terhadap sistem itu adalah ekoran kemenangan semua 24 calon Umno pada pilihan raya negeri baru-baru ini.

"Wanita Umno Sabah melihat kemenangan itu sebagai petanda bahawa parti ini mampu untuk menjadi pemimpin kepada semua parti komponen BN di Sabah," katanya.

Beliau bagaimanapun menyerahkan kepada pucuk pimpinan BN untuk membuat sebarang keputusan mengenainya.

Sistem itu diperkenalkan BN ketika mengambil alih kerajaan negeri pada Mac 1994 bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri masing-masing untuk tempoh dua tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini membayangkan kesediaan untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem itu dan menyerahkan kepada rakyat Sabah untuk menentukan sama ada perlu sistem itu diteruskan atau sebaliknya.

Kenyataan Norjan hari ini menjadikan Pergerakan Wanita Umno Sabah sebagai pihak pertama yang menyuarakan persetujuan mereka secara terbuka agar sistem itu dimansuhkan.

-- BERNAMA

JS RON